

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah cukai hotel yang baru diperkenalkan. Bila dan berapakah jumlah anggaran kutipan yang dijangkakan untuk tahun ini dan 2018. Adakah ia akan diserahkan kembali kepada Pulau Pinang. Adakah cukai hotel ini akan menjejaskan sektor pelancongan.

29

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tarikh kutipan Cukai Pelancongan hanya mula berkuatkuasa pada 1 September 2017. Di bawah Fasal V perkara 18(1), tempoh bercukai atau (*taxable period*) bagi Cukai Pelancongan ialah tiga (3) bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan bagi mana-mana tahun kalendar. Oleh itu, pembayaran (remit) oleh pengendali penginapan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) hanya akan dibuat selepas tarikh 30 November 2017.

Manakala, di bawah Fasal V perkara 18 (2), hanya pengendali premis penginapan yang telah berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762) diberikan tempoh bercukai yang sama di bawah Akta Cukai Pelancongan. Oleh itu, adalah masih terlalu awal bagi JKDM untuk memaklumkan jumlah kutipan yang telah dikutip.

Mengikut perkiraan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, anggaran kutipan Cukai Pelancongan yang bakal dikutip untuk setiap tahun adalah sebanyak RM211,422,600 bagi tempoh setahun berdasarkan Purata Kadar Penginapan atau *Average Occupancy Rate* (AOR) sebanyak 60 peratus daripada jumlah 241,350 bilik bagi premis penginapan yang berdaftar di seluruh negara di bawah Kementerian ini. Kementerian juga menjangkakan jumlah kutipan ini akan menjadi lebih tinggi apabila lebih banyak premis penginapan yang akan tampil mendaftar berikutan kuatkuasanya Akta Cukai Pelancongan.

Berkenaan dengan agihan hasil Cukai Pelancongan, Kementerian ini bercadang untuk mengagihkan semula RM1.00 bagi setiap RM10.00 setiap bilik semalam (*room night*) yang dikutip kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi sektor pelancongan bagi memastikan semua negeri mendapat hasil daripada kutipan cukai. Kerajaan akan memastikan agihan hasil kutipan cukai pelancongan dimanfaatkan sebaiknya bagi menambah baik industri pelancongan negara termasuk kepada Negeri Pulau Pinang daripada segenap aspek seiring dengan kedudukannya sebagai salah satu sumber pendapatan utama negara.

Melalui penelitian Kementerian ini, Cukai Pelancongan yang bakal dilaksanakan tidak akan menjejaskan sektor pelancongan memandangkan kadar tukaran Ringgit Malaysia yang lebih rendah berbanding kebanyakan pasaran luar seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Singapura. Tambahan pula, cukai pelancongan dikira mengikut jumlah malam menginap serta jumlah bilik yang digunakan dan bukan dikenakan mengikut jumlah individu yang menginap. Secara perbandingan, kadar harga bilik untuk hotel-hotel di Malaysia adalah jauh lebih murah berbanding di negara-negara jiran seperti Indonesia dan Singapura. Setelah mengambil kira kadar Cukai Pelancongan, kadar harga hotel-hotel di Malaysia masih berpatutan.

Pelaksanaan Cukai Pelancongan oleh negara-negara maju seperti Singapura (1973), Amerika Syarikat (1987), Thailand (1992), Jepun (2002) dan Itali (2012) membuktikan bagi tempoh jangka panjang ianya memberikan perkembangan positif terhadap sektor pelancongan. Berdasarkan rekod UNWTO, didapati prestasi industri pelancongan negara tersebut tidak terjejas malah bertambah baik kerana terdapatnya

pembangunan kemudahan fasiliti dan infrastruktur industri pelancongan. Sebagai contoh, kedudukan negara-negara tersebut bagi ketibaan pelancong asing telah meningkat pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015 seperti berikut:

Negara	2015		2016	
	"World Ranking"	Jumlah Ketibaan Pelancong Asing	"World Ranking"	Jumlah Ketibaan Pelancong Asing
Amerika Syarikat	2	77.5 juta	2	75.6 juta
Itali	5	50.7 juta	5	52.4 juta
Thailand	10	29.9 juta	9	32.6 juta
Jepun	16	19.7 juta	16	24.0 juta
Singapura	28	12.1 juta	28	12.9 juta

Berdasarkan maklumat ini, Kementerian ini yakin bahawa pelaksanaan cukai tersebut tidak akan menghindar pelancong dari melancong ke sesebuah negara, malah kesan limpahan daripada pelaksanaan cukai tersebut mampu memberi manfaat jangka panjang kepada sesebuah destinasi pelancongan.

Sekian, terima kasih.